

**Panel Parlimen: Muhyiddin gesa pembangkang jangan prejudis**  
**The Malaysian Insider**  
**18 Ogos, 2011**  
**Oleh Yow Hong Chieh**

KUALA LUMPUR, 18 Ogos — Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa barisan pembangkang agar tidak prejudis terhadap jawatankuasa pilihan khas Parlimen mengenai pembaharuan pilihan raya, yang 55 peratus anggotanya merupakan wakil Barisan Nasional (BN).

Muhyiddin yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata Pakatan Rakyat seharusnya ikhlas memandangkan usaha Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak membolehkan kesemua pihak membahaskan sistem semasa.

"Pembangkang harus melihat yang ini sebagai satu inisiatif baik. Tidak harus ada syak-wasangka atau prejudis," kata beliau kepada pemberita di Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/panel-parlimen-muhyiddin-gesa-pembangkang-jangan-prejudis/>